



Headline: Macau Scam guna tandatangan Ketua Polis Pahang Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Sarawak

Section: Nasional

Date: 8 January 2021

Page: 12

Macau Scam guna tandatangan Ketua Polis Pahang

KUANTAN: Polis Pahang mengesan taktik baharu sindiket Macau Scam, yang menggunakan surat palsu kononnya ditandatangani Ketua Polis Pahang bagi memperdayakan mangsa, untuk memindahkan wang ke akaun mereka.

Ketua Polis Pahang Datuk Seri Abd Jalil Hassan berkata, surat yang menggunakan kepala surat Polis Diraja Malaysia (PDRM) itu mendakwa, penerimanya perlu memindahkan wang atau ditangkap atas alasan terlibat dalam penyeludupan dadah dan penggubahan wang haram.

"Surat itu juga mendakwa jika penerima enggan bekerjasama, maka waran tangkap akan dilaksanakan serta-merta dan semua aset serta akaun bank miliknya akan dibekukan selama dua tahun lima bulan, selain direman 45 hari," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang di sini Rabu lepas.

Abd Jalil berkata, beliau sendiri telah melihat dokumen palsu itu yang diterima menerusi WhatsApp telefon pintarnya pada 3.00 petang, Isnin lalu dan polis telah berjaya mengesan seorang lelaki berusia dalam lingkungan 30-an, yang dipercayai menerima surat itu bagi membantu siasatan.

Pada perkembangan lain, Abd Jalil berkata polis mengesan aktiviti penjualan tiga bidang tanah milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan (SUK) Pahang di laman sosial Facebook dan Mudah.my tanpa kebenaran pihak terlibat.

Katanya, kegiatan itu disedari Penolong Setiausaha Kanan Perbadanan SUK Pahang, yang menerima mesej WhatsApp pada 10.30 pagi, 28 Disember lalu daripada seorang individu yang ingin mendapatkan pengesahan mengenai penjualan tanah di Jerantut, kira-kira 150 kilometer dari sini.

– Bernama